

Bil. S 39

**AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG
(PENGAL 1)**

PERINTAH PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG BIL. 1 TAHUN 2013

SUSUNAN PERENGKAN-PERENGKAN

Perenggan

1. Gelaran dan permulaan kuatkuasa.
2. Pengeluaran dan penggantian mukasurat-mukasurat.

JADUAL — PENGELUARAN DARI DAN PEMASUKAN DALAM UNDANG-UNDANG

**AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG
(PENGGAL 1)**

PERINTAH PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG BIL. 1 TAHUN 2013

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh bab 5(1) dan (2) dari Akta Penyemakan Undang-Undang, maka Peguam Negara dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Penyemakan Undang-Undang Bil. 1 tahun 2013 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada tarikh Perintah ini dibuat.

Pengeluaran dan penggantian mukasurat-mukasurat.

2. (1) Pengeluaran dari Undang-Undang adalah dengan ini diarahkan bagi mukasurat-mukasurat yang dinyatakan dalam ruang ketiga Bahagian A Jadual di bawah ini merujuk kepada undang-undang bertulis yang dinyatakan dalam ruang-ruang pertama dan kedua dan tertera di mukasurat depannya atau di mukasurat sebelahnya tulisan yang dinyatakan dalam ruang keempat.

(2) Pemasukan dalam Undang-Undang adalah dengan ini dibenarkan, bagi menggantikan mukasurat-mukasurat yang diarahkan untuk dikeluarkan di bawah perenggan kecil (1), bagi mukasurat-mukasurat yang dinyatakan dalam ruang ketiga Bahagian B Jadual dan tertera di mukasurat depannya atau di mukasurat sebelahnya tulisan yang dinyatakan dalam ruang keempat, merujuk kepada undang-undang bertulis yang disebut dalam ruang-ruang pertama dan kedua.

JADUAL

PENGELUARAN DARI DAN PEMASUKAN DALAM UNDANG-UNDANG

BAHAGIAN A

Penggal	Tajuk	Mukasurat-mukasurat	Tulisan
146	Akta Pasport	1 hingga 18	B.L.R.O. 1/1984
148	Akta Ketenteraman Dalam Negeri	1 hingga 34	B.L.R.O. 6/2002
	O 1 Perintah Ketenteraman Dalam Negeri (Perarakan Perkahwinan dan Kematian) (Pengecualian)	1 hingga 4	B.L.R.O. 6/2002
	N 1 Pemberitahuan pengisytiharan di bawah bab 3(1)	1 hingga 2	B.L.R.O. 6/2002.

BAHAGIAN B

Penggal	Tajuk	Mukasurat- mukasurat	Tulisan
146	Akta Pasport	1 hingga 20	B.L.R.O. 1/2013
	O 1 Perintah Pasport (Visa) (Pengecualian)	1 hingga 6	B.L.R.O. 1/2013
148	Akta Ketenteraman Dalam Negeri	1 hingga 44	B.L.R.O. 1/2013
	O 1 Perintah Ketenteraman Dalam Negeri (Perarakan Perkahwinan dan Kematian) (Pengecualian)	1 hingga 4	B.L.R.O. 1/2013
	N 1 Pemberitahuan pengisytiharan di bawah bab 3(1)	1 hingga 2	B.L.R.O. 1/2013.

Diperbuat pada hari ini 27 haribulan Jamadilakhir, Tahun Hijrah 1434 bersamaan dengan 8 haribulan Mei, 2013.

DATIN SERI PADUKA DAYANG HAJAH HAYATI BINTI
PEHIN ORANG KAYA SHAHBANDAR DATO SERI PADUKA
HAJI AWANG MOHD. SALLEH
Peguam Negara,
Negara Brunei Darussalam.